

Memperkukuh Infrastruktur yang Menyokong

BAB 6

- | | |
|--|-----|
| 1. Infrastruktur Fizikal - Memacu Sinergi | 112 |
| 2. Infrastruktur Pengawalseliaan - Memenuhi Keperluan Global | 119 |
| 3. Infrastruktur Maklumat - Kekuatan Melalui Pengetahuan | 120 |



Kerajaan giat berusaha untuk menyediakan persekitaran mesra perniagaan dengan rangka kerja pengawalseliaan dan keinstitusian yang menyokong supaya aktiviti keusahawanan boleh berkembang maju. Keutamaan masih diberikan untuk melaksanakan inisiatif khusus bagi mewujudkan infrastruktur yang menyokong sektor PKS yang mampan dan berdaya saing supaya dapat terus berkembang. Inisiatif ini kini dilaksanakan dalam tiga bidang utama, iaitu membangunkan dan mempertingkatkan infrastruktur fizikal dan pengurusan maklumat serta rangka kerja pengawalseliaan yang relevan untuk memudahkan kegiatan perniagaan.

Pada tahun 2006, sejumlah RM72 juta telah dibelanjakan bagi pelaksanaan sebanyak 33 program untuk memperkukuh infrastruktur yang menyokong pembangunan PKS, yang membantu lebih daripada 19,000 PKS. Daripada jumlah program tersebut, sebanyak 23 program memberi tumpuan pada usaha memperbaiki infrastruktur fizikal yang sedia ada untuk menyokong PKS dan kegiatan perniagaannya. Program utama untuk memperkukuh infrastruktur yang menyokong pembangunan PKS pada tahun 2006 termasuk penubuhan tujuh pusat pemprosesan koko dan enam Pusat Pembangunan Perniagaan Makanan Asas Tani serta pembentukan kelompok Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT).



Pencapaian penting bagi program pada tahun 2006 termasuk penyediaan premis perindustrian dan perniagaan dengan kemudahan untuk disewakan kepada 5,163 PKS dan pewujudan sebanyak 205 Piawaian Malaysia untuk PKS.

Pada tahun 2007, sebanyak 27 program akan dilaksanakan untuk memperkukuh infrastruktur yang menyokong, dengan jumlah komitmen kewangan sebanyak RM349 juta. Hasil yang diharapkan daripada program pada tahun 2007 termasuk penyediaan sebanyak 500 premis perniagaan, kilang dan bengkel untuk PKS, pelaksanaan sebanyak 200 projek baharu yang berkaitan dengan Jawatankuasa Khidmat Nasihat Teknikal ternakan; dan penubuhan 80 pejabat pos mini bagi usahawan di bawah Program Pembangunan Usahawan Pejabat Pos Mini Luar Bandar.

1. Infrastruktur Fizikal - Memacu Sinergi

Program tertumpu pada usaha menyediakan sokongan infrastruktur untuk menggalakkan lebih banyak pengelompokan fizikal, yang terdiri daripada jenis PKS yang serupa dalam taman perniagaan, pusat pemprosesan dan pengagihan, dan kilang. Kelompok-kelompok ini akan membolehkan PKS memanfaatkan ekonomi ikut bidangan, menambah kecekapan dan keberkesanan pengeluaran, dan memperbaiki pengagihan produk dan perkhidmatan.

Hab Strategik

Berikutan kejayaan hab strategik yang dicapai sehingga kini, bilangannya dalam bentuk taman perindustrian dan inkubator telah ditambah sejajar dengan usaha berterusan untuk memudahkan perusahaan dan usahawan tekno mencapai jumlah yang cukup besar.

Dengan sasaran untuk meningkatkan penyertaan dan pendapatan petani dan nelayan individu dalam aktiviti pemprosesan asas tani, Program Kelompok yang disediakan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) seperti Zon Industri Akuakultur bagi perikanan berjaya membantu 59 usahawan memperoleh pendapatan bulanan sebanyak RM3,000 menakala Jawatankuasa Khidmat Nasihat Teknikal (KNT) bagi ternakan membantu pembangunan 27 kawasan KNT, yang melaluinya PKS boleh menjalin hubungan dan mendapat nasihat pemasaran yang berharga, misalnya cara untuk memasarkan produk di pasaraya.

Pusat Pembangunan Perniagaan Makanan Asas Tani sehenti juga diwujudkan pada tahun 2006 di Wisma Tani, Putrajaya. Di pusat ini, usahawan tani boleh mempamerkan hasil keluaran mereka, mendapatkan maklumat serta meminta bantuan teknikal dan khidmat nasihat berhubung dengan pengeluaran dan pemprosesan makanan asas tani. Pusat ini turut disokong oleh rakan maya yang menawarkan jumlah sumber dan maklumat yang sama.

(Untuk maklumat lanjut, sila layari, <http://pico.neofission.com/websites/agribdcom/index.php>)

Skim Inkubasi Usahawan yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (KPLBW) pula menyediakan bangunan, peralatan dan kemudahan di Terengganu bagi usahawan yang menghasilkan produk seramik. Pada tahun 2006, lima usahawan yang dikenal pasti melalui Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), berjaya memulakan pengeluaran dan menjual produk seramik mereka.

Hab strategik penting yang sedang dibangunkan dan dipromosikan ialah Hab Halal, yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal antarabangsa menjelang tahun 2010.

(Sila rujuk kepada Bab 8 bagi maklumat terperinci tentang Hab Halal)

*Perkumpulan ini
mengumpulkan
usahawan pelbagai
saiz dan menyediakan
persekitaran yang
menyokong supaya
pemindahan
teknologi serta
pembangunan
kemahiran dan
pemasaran dapat
dilaksanakan*

Pendekatan Baru dalam Memasarkan Hasil Pertanian



Di Malaysia kini, 65% daripada keluaran pertanian segar diagihkan melalui saluran borong. Pasar borong merupakan komponen penting dalam sistem pemasaran makanan. Para petani memerlukan akses langsung kepada sistem pemasaran dan tempat yang cekap serta dikelolakan dengan baik untuk berhadapan dengan pelbagai pembeli.

Dengan tujuan untuk memodenkan infrastruktur pemasaran dan sistem pengendalian pasar borong, lapan lokasi telah dicadangkan bagi pembangunan dan pembinaan Terminal Makanan Negara (TEMAN).

Matlamat strategik TEMAN adalah untuk:

- Membangunkan dan mengubah infrastruktur pemasaran bagi produk pertanian dan makanan;
- Memperbaiki dan menggalakkan amalan industri yang baik dalam bidang kualiti, perakuan, penggredan, pembungkusan, dan juga pelabelan, pengedaran dan piawai keselamatan makanan;
- Menjadi pemangkin bagi pembangunan sistem pengagihan dan logistik yang cekap bagi perniagaan tani; dan
- Mewujudkan pasaran yang lebih cekap melalui mekanisme penentuan harga yang berkesan, yang dapat memastikan persaingan yang saksama dan telus dalam kalangan pembekal dan pemborong.

TEMAN akan menyediakan platform logistik untuk memenuhi keperluan khusus pengguna pasaran yang pelbagai, termasuk petani dan persatuan petani, koperasi, syarikat pembungkusan, peruncit khusus dan am, pasar raya besar, pasar raya, pemborong sekunder, pembeli institusi, restoran besar, hotel dan saluran dagang makanan runcit, pengimport dan pengeksport, serta pengendali pengangkutan, bank dan perniagaan lain.

Setiap TEMAN, yang dirancang sebagai pusat pembekalan makanan moden yang menghubungkan pengeluaran dan penggunaan dalam satu kompleks, terdiri daripada kawasan perdagangan pusat untuk mengumpul dan mengagihkan semula produk pertanian untuk memenuhi keperluan makanan negara. TEMAN akan menguruskan aktiviti pemborongan, prapembungkusan, pemasangan dan pengagihan yang berkaitan dalam persekitaran yang bersepadu dan sistematik. TEMAN berhasrat untuk mengubah cara perniagaan yang dijalankan dalam pasar borong dari segi operasi dan teknologi yang antara lainnya merangkumi kawalan kualiti dan cara pembungkusan dan peningkatan saluran pemasaran.



Amalan Semasa berbanding Konsep TEMAN

	Amalan Pasaran Semasa	Konsep Masa Depan TEMAN
Pematuhan Piawaian: Timbangan & Ukuran	Penguatkuasaan dan amalan yang tidak mencukup	Memastikan pematuan melalui penguatkuasaan dasar pengawalseliaan
Memastikan Bekalan Makanan Ruji & Keselamatan Makanan	Mengurangkan bilangan pengeluaran, tiada jaminan	Melalui pengurusan bekalan dan permintaan makanan ruji dengan berkesan
Memastikan Mutu & Kawalan Kebersihan	Penguatkuasaan dan amalan yang tidak mencukupi	Memastikan pematuan melalui penguatkuasaan dasar pengawalseliaan
Mekanisme Penentuan Harga Berkesan	Hakisan margin, saluran pemasaran pelbagai lapis	Melalui pelaksanaan proses tender yang telus. Menyediakan kriteria dan garis panduan bagi transaksi pasaran
Pematuhan Piawaian: Penggredan & Pembungkusan	Penguatkuasaan dan amalan yang tidak mencukupi	Menyediakan kriteria bagi mutu, piawaian gred, pembungkusan dan pelabelan

Sumber: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

Melalui penggunaan teknologi dan ketersediaan semua infrastruktur yang berkaitan, TEMAN akan dihubungkan secara rapat dengan petani dan pasaran di seluruh negara mahupun antarabangsa.

Melalui sumbangannya kepada pencapaian rantai pembekalan yang bersepadu dan terkawal, TEMAN berupaya mengurangkan dan mengawal kos keseluruhan, membolehkan tatacara dan peralatan operasi diperkenalkan dan diterima pakai serta memastikan keperluan berkanun baharu dipatuhi.


Dengan menghasilkan barangan yang mematuhi piawai global dari segi mutu, keselamatan, kandungan pemakanan dan perakuan Halal, rangkaian TEMAN akan mempercepat pertumbuhan dalam sektor pertanian. Ini pula akan membantu keluaran tempatan mendapat tempat dalam pasaran antarabangsa, lantas menarik lebih banyak pelaburan asing dalam peluang perniagaan tani tempatan.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan memulakan pembangunan dan pembinaan dua kompleks TEMAN di Gopeng, Perak pada bulan September 2007 dan Kota Bharu, Kelantan pada bulan Mac 2008.

Kawasan Perindustrian

Malaysian Industrial Estates Bhd. (MIEL) bersama-sama dengan beberapa Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri telah membangunkan lapan kawasan perindustrian di seluruh negara untuk membantu PKS beroperasi dalam kawasan atau premis yang diluluskan. Dengan lokasi yang berhampiran dengan rangkaian jalan raya dan kereta api yang menyediakan hubungan cekap ke pelabuhan untuk memudahkan eksport, kawasan perindustrian ini membolehkan PKS mempunyai asas dan kemudahan untuk beroperasi dalam persekitaran paling sesuai. Melalui Skim Pinjaman Mudah bagi Penempatan Semula Kilang, tiga PKS menerima sebanyak RM2.2 juta untuk menempatkan semula perniagaan mereka ke kawasan yang diluluskan ini pada tahun 2006.

Kawasan Perindustrian





Kelompok Teknologi

Program Kelompok Pembangunan Teknologi yang diterajui Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) bertujuan membangunkan kelompok syarikat teknologi tinggi yang beroperasi dalam universiti dan institut penyelidikan dalam persekitaran yang membolehkan interaksi dan peningkatan kerjasama. Dengan menyepadukan idea Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) institut awam, bersama-sama dengan pemudahan dan bantuan, PKS sektor swasta dapat merapatkan jurang antara R&D dengan langkah pengkomersialan-ke-pasaran. Pada asasnya, matlamat yang ingin dicapai adalah untuk menjanakan usaha niaga sampingan bernilai tinggi yang bersaing, perniagaan permulaan dan PKS ICT yang mampan, yang akan memacu penjanaan kekayaan baharu dalam ekonomi berasaskan ilmu.

Pada akhir tahun 2006, terdapat tiga inkubator telah lengkap dan beroperasi sepenuhnya, iaitu Universiti Putra Malaysia - MTDC, Universiti Kebangsaan Malaysia - MTDC dan Universiti Teknologi Malaysia - Pusat teknologi MTDC. Ketiga-tiga inkubator ini merupakan pusat kepada 48 buah syarikat (kebanyakannya adalah syarikat ICT dan Sains Hayat)

Pada tahun 2007, Program Kelompok Pembangunan Teknologi akan dipertingkatkan dengan memberikan lebih penekanan terhadap pembangunan perkhidmatan seperti pengurusan kewangan dan risiko serta pengurusan Harta Intelektual, penggalakan amalan terbaik dan perkhidmatan mentor untuk semua PKS.

Pengumpulan Sumber

Pada tahun 2007, lebih banyak pusat pemprosesan dan pemasaran akan dibangunkan, khususnya di kawasan luar bandar. Langkah ini bertujuan menyediakan infrastruktur fizikal kepada PKS, khususnya perusahaan mikro, bagi memperkukuh produktiviti dan keupayaan pemasaran mereka. Langkah ini sejajar dengan matlamat keseluruhan Kerajaan untuk memperbaiki taraf hidup masyarakat di luar bandar. Beberapa program utama termasuk:

- Rancangan oleh MRRD untuk menyediakan 458 premis perniagaan, termasuk dua kilang untuk membantu usahawan meningkatkan kualiti produk;
- MOA menyasarkan untuk menambah bilangan Pusat Pembungkusan Produk, Pusat Pengagihan dan Pusat Pemasaran Pertanian di seluruh negara kepada 178 serta mewujudkan 200 projek baharu melalui Jawatankuasa Khidmat Nasihat Teknikal ternakannya;
- Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) melalui agensinya seperti MARA dan Uda Holdings, bersama-sama dengan perbadanan kemajuan ekonomi negeri, akan membina atau membeli bangunan baharu termasuk kilang, kompleks perniagaan, lot kedai dan gerai untuk disewakan kepada usahawan;
- Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) merancang menyiapkan tiga Pusat Pembangunan untuk Pekebun Kecil Koko. Pusat ini akan menjadi tempat pengumpulan dan pengeringan koko selain tempat pengenalan kaedah pemprosesan yang menambah nilai;
- Program Satu Wilayah Satu Industri (SAWARI) MECD akan dipergiat untuk membantu memupuk usahawan mikro dan mewujudkan kawasan pertumbuhan baharu. Sehingga 10 industri kecil yang dikendalikan peneroka FELDA dan koperasi yang berpotensi untuk dikomersialkan akan dikenal pasti di bawah SAWARI pada tahun 2007. Kementerian ini seterusnya akan:
 - memberikan bantuan untuk meningkatkan kualiti produk dan kapasiti pengeluaran;
 - menggalakkan usahawan mikro mewujudkan rangkaian promosi dan pemasaran;
 - menyediakan dan membangunkan pusat pemasaran tempatan untuk mempamerkan dan mempromosikan produk;
 - menyelaraskan latihan, program pembangunan dan bantuan teknikal; dan
 - menyalurkan dana bagi pelaksanaan projek.

- Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (MEWC) bersama-sama dengan Pos Malaysia Bhd. akan melancarkan Program Usahawan Pejabat Pos Mini Luar Bandar pada tahun 2007. Di bawah program ini, usahawan individu yang mempunyai premis sendiri atau perniagaan yang sedia ada akan dikenal pasti untuk mengendalikan Pejabat Pos Mini di kawasan luar bandar. Sasaran program ini adalah untuk menubuhkan 80 Pejabat Pos Mini setahun antara tahun 2007 hingga tahun 2010. Usahawan akan diberikan bantuan dalam bentuk peralatan operasi bernilai RM20,000 untuk menubuhkan pejabat pos ini.

2. Infrastruktur Pengawalseliaan - Memenuhi Keperluan Global

Pengilang dan pengeksport tempatan juga mesti berusaha memenuhi keperluan pasaran global seperti mematuhi piawai antarabangsa dari segi kesihatan, keselamatan, alam sekitar, pekerja dan kualiti untuk bersaing dengan berkesan dan jayanya.

Oleh itu, perumusan dan penerapan Piawaian Malaysia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi Produk dan Perkhidmatan telah dipercepat pada tahun 2006. Sebanyak 205 piawai telah dirumuskan untuk menggalakkan kebersaingan PKS melalui penerapan piawai global. Panduan penentuan harga dan spesifikasi bagi pihak yang terbabit dalam perniagaan Taman Landskap akan turut diwujudkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Langkah ini bertujuan mengenal pasti tanaman dan pokok yang paling sesuai untuk projek landskap awam, dari segi harga dan kesesuaiannya. Pada tahun 2007, pendaftaran dan pelesenan bagi industri pelancongan desa akan juga diperkemas oleh Kementerian Pelancongan.

3. Infrastruktur Maklumat - Kekuatan Melalui Pengetahuan

Pangkalan data kini sedang dikembangkan sebagai sebahagian daripada usaha giat untuk menyelaraskan dan memusatkan maklumat. Langkah ini mempunyai dua tujuan, untuk membantu Kementerian dan Agensi merumuskan dasar yang berkesan dan untuk membantu PKS membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi.

Satu inisiatif penting ialah penubuhan Pangkalan Data PKS Kebangsaan untuk memberikan maklumat tepat pada masanya tentang PKS kepada pihak yang berkepentingan bagi membolehkan mereka menilai prestasi PKS, dan memantau sumbangan mereka kepada ekonomi negara serta memudahkan keputusan dibuat berdasarkan maklumat yang mencukupi berhubung dengan keperluan pembangunan dan latihan mereka. Mandat telah diberikan kepada Jabatan Perangkaan Malaysia untuk menubuhkan dan menyelenggarakan pangkalan data ini. Pangkalan Data PKS Kebangsaan merangkumi sembilan bidang prestasi utama iaitu:

- Gambaran keseluruhan/status pembangunan PKS;
- Sumbangan PKS kepada ekonomi;
- Pengurusan kewangan;
- Akses kepada pembiayaan;
- Pengeluaran dan pengurusan pengendalian;
- Akses kepada teknologi dan kemajuan teknologi;
- Sumber manusia;
- Pemasaran dan promosi; dan
- Akses kepada program bantuan Kerajaan.

*Pangkalan Data PKS
Kebangsaan ditubuhkan
untuk memberikan
maklumat tepat tentang
PKS kepada pihak yang
berkepentingan bagi
menilai prestasi PKS dan
memantau sumbangan
mereka kepada ekonomi
serta membantu
merumus dasar yang
berkesan untuk PKS*

Fasa pertama pangkalan data adalah untuk mewujudkan data garis dasar dengan mengadakan banci di seluruh negara, dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada bulan Mac 2005, yang merentasi semua pertubuhan di dalam sektor perkilangan, pertanian dan perkhidmatan. Jabatan Perangkaan Malaysia akan menjalankan tinjauan PKS dan mengumpul lebih banyak maklumat tentang PKS daripada kementerian dan agensi yang relevan untuk memastikan pangkalan data tersebut menyediakan maklumat PKS yang relevan dan terkini.

Pangkalan data ini dijangka dilancarkan pada bulan Julai 2007. Kementerian dan agensi relevan yang terbabit secara langsung dalam pembangunan PKS akan diberikan akses kepada pangkalan data ini untuk membantu mereka menganalisis dan merumuskan dasar.

Dalam usaha memantau perubahan status PKS, MECD kini sedang dalam proses menubuhkan pangkalan data PKS dalam sektor borong dan runcit. Hasilnya juga akan digunakan untuk merumuskan dasar akan datang. MOA juga mempunyai pangkalan data PKS dan sebanyak 6,714 ahli baharu telah didaftarkan pada tahun 2006.

Satu lagi usaha yang telah menghasilkan pewujudan infrastruktur yang menyokong bagi PKS ialah penerapan Rangka Kerja Pengurusan Rangka Tindakan PKS oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan sejak tahun 2005. Rangka Tindakan tersebut telah memperkukuh tumpuan strategik, pemantauan perkembangan dan penilaian program untuk PKS. Hasilnya, penyampaian dan keberkesanan program Kerajaan bagi manfaat PKS, semakin meningkat.

Kerajaan telah menyediakan pelbagai infrastruktur fizikal dan maklumat untuk memangkinkan pertumbuhan PKS dan membantu perniagaan berkembang maju. Tumpuan akan terus diberikan pada usaha mewujudkan infrastruktur yang menyokong untuk membangunkan PKS yang mampan dan bersaing. Satu daripada pamacu utama yang memberikan sokongan infrastruktur untuk mencapai pertumbuhan dinamik semua sektor PKS serta membantu PKS menaiki rantaian nilai ialah pembentukan perkumpulan kelompok. Perkumpulan ini mengumpulkan usahawan pelbagai saiz dan menyediakan persekitaran yang menyokong supaya pemindahan teknologi serta pembangunan kemahiran dan pemasaran dapat dilaksanakan.

Melalui infrastruktur fizikal, pengawalseliaan dan maklumat yang disediakan, PKS dapat meraih manfaat daripada ekonomi ikut bidangan, peningkatan kecekapan dan keberkesanan pengeluaran serta pembaikan dalam pengagihan produk dan perkhidmatan.